

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 24, 2018 1:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kedudukan UUM Meningkatkan Dalam QS Asia University Rankings 2019



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2018 / 15 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media, UKK dan IPQ

KEDUDUKAN UUM MENINGKAT DALAM QS ASIA UNIVERSITY RANKINGS 2019



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus menunjukkan kecemerlangan apabila meningkat tiga anak tangga kepada 128 dalam QS Asia University Rankings 2019 berbanding di kedudukan 131 Asia bagi edisi sebelumnya.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, pencapaian tersebut membuktikan UUM terus konsisten dengan menunjukkan peningkatan tahun demi tahun.

"Ini adalah hasil kerja keras seluruh warga UUM dan saya mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas kerja keras yang dicurahkan dalam memartabatkan universiti sehingga ke peringkat antarabangsa," katanya.

QS Asia 2019 mengguna pakai 11 indikator dalam menilai sesebuah universiti iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah pelajar kepada fakulti, bilangan staf yang berkecualan ijazah Doktor Falsafah (Phd), nisbah fakulti antarabangsa, nisbah pelajar antarabangsa,

nisbah pertukaran pelajar luar dan dalam, rangkaian penyelidikan antarabangsa, sitasi per staf akademik/pensyarah dan *papers per faculty*.

Menerusi indikator nisbah pelajar antarabangsa (international students), UUM berada di kedudukan ke-20 universiti terbaik Asia dan kelima bagi universiti tempatan di Malaysia, sekali gus membuktikan bahawa UUM semakin dikenali dan menjadi tumpuan pelajar antarabangsa khususnya di rantau ini.

Pada tahun ini, QS menganalisis lebih 83,000 respons akademik dan 43,000 respons majikan serta telah menyenaraikan 505 buah universiti dengan 92 daripadanya pertama sekali disenaraikan.

Keputusan penuh QS Asia University Rankings boleh dicapai melalui portal www.topuniversities.com.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.